

08 AUG 2001

Arroyo-Sabah

ISU SABAH DIBINCANGKAN SEMASA PERTEMUAN DR MAHATHIR DAN ARROYO

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Filipina telah bersetuju untuk mencari penyelesaian mesra berhubung tuntutan Filipina terhadap Sabah, kata Presiden Gloria Macapagal Arroyo.

Presiden Filipina itu berkata yang tuntutan negaranya terhadap Sabah dibincangkan semasa pertemuan empat mata bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Arroyo berkata, kedua-dua mereka bersetuju yang Malaysia dan Filipina harus melangkah ke depan ke arah penyelesaian mesra isu itu.

"Sudah pasti kita faham yang kita perlu melakukan ini dengan perlahan dan melalui rundingan luas bersama rakyat kita."

"Jadi, kita akan membentuk panel-panel untuk mengkaji pendekatan yang sesuai bagi isu ini," kata beliau semasa persidangan media pada hari kedua lawatan tiga harinya yang akan berakhir esok.

Arroyo berkata, beliau akan mengarahkan Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina untuk memulakan usaha mengenai perkara itu.

"Baru sekarang Perdana Menteri Dr Mahathir dan saya membincangkan kemungkinan menyelesaikan isu itu kerana sebelum ini ianya selalu diketepikan," katanya.

Beliau juga ditanya sama ada terdapat kemungkinan yang Manila akan menggugurkan tuntutannya terhadap Sabah.

Arroyo menjawab: "Tidak. Tidak. Tidak. Saya tidak berkata demikian. Saya hanya berkata ia akan mengambil masa yang lama dan rundingan yang banyak untuk menyelesaikan isu itu. Jadi, saya tidak bersedia mengeluarkan apa-apa kenyataan mengenai soal itu sekarang."

Presiden itu berkata beliau perlu mendapatkan pandangan penduduk Filipina amnya dan penduduk Selatan Filipina khususnya mengenai isu itu.

Apabila ditanya mengapa Filipina mahu masuk campur dalam isu tuntutan pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dan Indonesia di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Arroyo berkata Manila akan masuk campur dalam mana-mana prosiding antarabangsa yang membabitkan dua pulau itu.

-- BERNAMA

MAM NZ HS PR